

11 APR 2002

Salleh-Umno

TAK PERLU BINCANG SOAL PENGGANTI KERANA DR MAHATHIR TERUS DAPAT SOKONGAN

KOTA BELUD, 11 April (Bernama) -- Soal peralihan kuasa kepimpinan Umno tidak berbangkit pada masa ini kerana Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad selaku Presiden Umno terus mendapat sokongan rakyat dan anggota parti, kata seorang anggota Majlis Tertinggi Umno.

Oleh itu, kata Datuk Seri Salleh Tun Said, soal peralihan kuasa tidak perlu dibincangkan lagi.

"Apa yang penting ialah kita harus membantu Datuk Seri Dr Mahathir untuk membawa kejayaan kepada negara kita dan mendoakan agar kesihatan beliau mengizinkan untuk terus memimpin kita," katanya kepada pemberita selepas merasmikan perayaan ulang tahun pusat pembiakan ikan air tawar di Kampung Tegudon di sini hari ini.

Salleh berkata, soal siapa bakal menggantikan Dr Mahathir telah diperjelaskan sendiri oleh presiden parti.

"Tradisi parti memang ada dan apabila sampai masanya, maka timbalan presiden Umno Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi akan menggantikan beliau," katanya.

Salleh berkata, anggota-anggota Umno tidak harus terperangkap dengan politik Pas.

"Pas sudah ketandusan isu dan cuba mencari jalan mengalihkan pandangan rakyat," katanya.

Apa yang penting, kata Salleh, ialah rakyat Malaysia yang terdiri daripada masyarakat pelbagai kaum, bersatu padu di bawah kepimpinan Dr Mahathir.

Lidah rasmi Pas, Harakah, baru-baru ini menyiarkan hasil satu banciannya yang menunjukkan Abdullah hanya berada di tempat ketiga selepas naib-naib presiden Umno, Datuk Seri Najib Tun Razak dan Tan Sri Muhyiddin Yassin, daripada segi populariti untuk menggantikan Dr Mahathir.

-- BERNAMA

JS MAI